

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR
[POKOK SENA]**

TARIKH : 30 MAC 2015 (ISNIN)

DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR [POKOK SENA] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah kaedah serta perkara yang mempengaruhi Kerajaan dalam membuat penentuan harga barang-barang kawalan, tambang pengangkutan awam dan tarif elektrik dengan mengambil kira kos pengeluaran dan operasi tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Bagi barang-barang kawalan seperti tepung gandum dan gula, penentuan harga barang-barang tersebut dibuat dengan mengambilkira kos import bahan mentah, kos pengeluaran, kos penghantaran, kos penapisan, kos operasi, kadar tukaran matawang dan margin pengilang, pemborong dan peruncit.

Untuk makluman juga, Kerajaan telahewartakan 25 jenis barang kawalan sebagai Barang Kawalan Musim Perayaan melalui Perintah Kawalan Bekalan (Barang-Barang Kawalan) yang berkuat kuasa dalam tempoh yang ditetapkan bertujuan seperti berikut:

- i) menentukan bekalan barang-barang perlu mencukupi serta mudah diperolehi dengan harga yang berpatutan;
- ii) menentukan harga barang-barang stabil dan tidak dinaikkan dengan sewenang-wenangnya; dan
- iii) mencegah kegiatan penyelewengan yang dilakukan oleh peniaga-peniaga yang ingin mengaut keuntungan dengan cara yang melanggar peruntukan undang-undang.

Pewartaan ini dibuat melalui perintah dan kuasa Menteri di bawah Seksyen 5 Akta Kawalan Bekalan 1961 [Akta 122] meliputi semua perayaan yang disambut di Malaysia iaitu:

- i) Hari Raya Puasa;
- ii) Hari Raya Qurban;

- iii) Hari Deepavali;
- iv) Hari Krismas;
- v) Tahun Baru Cina;
- vi) Pesta Kaamatan; dan
- vii) Hari Gawai.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK JOSEPH SALANG ANAK GANDUM
[JULAU]**

TARIKH : 30 MAC 2015 (ISNIN)

SOALAN : 31

Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian akan memberi peruntukan untuk membantu pengusaha bumiputera dalam menjalankan operasi bot ekspres dari Sibu ke Belaga bagi memberikan persaingan kepada pengusaha-pengusaha sedia ada yang enggan menurunkan tambang walaupun harga minyak sudah turun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, permit operasi bot-bot ekspres di sungai-sungai Sarawak termasuk dari Sibu ke Belaga adalah di bawah bidang kuasa Lembaga Sungai-Sungai Sarawak iaitu sebuah agensi Kerajaan Negeri Sarawak. Ini bermaksud, harga tambang bot-bot ekspres ini adalah dikawal selia oleh Lembaga Sungai-Sungai Sarawak. Berdasarkan keadaan ini, sebarang peruntukan dan insentif khas berhubung operasi bot ekspres dari Sibu ke Belaga adalah di luar bidang kuasa Kementerian Pengangkutan.